



**TENAGA
NASIONAL**

Better. Brighter.

SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/03/42 (HQ)

KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN ELEKTRIK (KKKE) PERINGKAT NEGERI PERLIS

Menyedari perlunya pendedahan terhadap penggunaan elektrik secara selamat, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menganjurkan Kempen Kesedaran Keselamatan Elektrik (KKKE) Peringkat negeri Perlis pada hari ini. Ia dirasmikan oleh Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Azlan Man.

"Pelaksanaan kempen ini adalah sebagai usaha jangka panjang TNB untuk membantu mengurangkan kadar kemalangan elektrik akibat kecuaiian," kata Pengurus Besar (Kuala Lumpur, Utara dan Timur) Bahagian Penghantaran TNB, Ir. Husaini Husin.

Kempen ini melibatkan sesi ceramah, pameran keselamatan dan acara-acara berkaitan kesedaran keselamatan elektrik.

"Apa yang dilakukan TNB merupakan Tanggungjawab Korporat kepada masyarakat agar lebih peka terhadap penggunaan tenaga elektrik yang selamat sekali gus mengelakkan kecuaiian yang boleh mengakibatkan kemalangan elektrik," katanya dalam ucapan aluan tersebut.

Turut hadir adalah Pengarah Pelajaran Negeri Perlis, Rooslee Ismail, Pengarah Kawasan Suruhanjaya Tenaga Negeri Pulau Pinang, Kedah & Perlis, Ir. Md. Zakuan Ibrahim, Pengurus Besar Negeri (Perlis), Bahagian Pembahagian TNB, Abdul Aziz Yaacob, dan Pengurus Besar, Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar, Bahagian Sumber Manusia Kumpulan TNB, Kamal Ariffin Abdullah.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2008, seramai 10,000 orang guru dan pelajar dari 2,000 buah sekolah rendah dan menengah di seluruh Semenanjung telah terlibat dengan program KKKE ini.

Bagi negeri Perlis, seramai 300 orang pelajar dan guru pengiring daripada 30 buah sekolah menyertai kempen tersebut pada tahun ini.

Dikeluarkan di Perlis, pada 06 April 2015

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Md. Derus Bunchit 019-266 2296, atau, Maizatul Nadiyah Saadon 017-381 6602, atau, Raja Mohd. Aman Shah 019-216 8687.